

28 MAR 1998

Anwar-Habibie

KRISIS EKONOMI TIDAK GUGAT KEDAULATAN NEGARA RANTAU INI

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim malam ini berkata apa jua krisis ekonomi dan matawang tidak akan dapat menggugat kebebasan, kedaulatan dan maruah negara di rantau ini.

"Dan oleh yang demikian dari awal lagi kita menyatakan bahawa kita menghormati keputusan, kebijaksanaan kepimpinan Presiden Suharto dan rakyat Indonesia untuk membuat keputusan yang cukup bijak," katanya pada majlis jamuan makan malam meraikan Naib Presiden Indonesia B.J. Habibie di sebuah hotel terkemuka di sini.

Beliau berkata Malaysia dan Indonesia sekarang sedang meneruskan perbincangan supaya "ada titik pertemuan" untuk meningkatkan hubungan dua hala perdagangan, pelaburan, serta kerjasama dalam bidang penyelidikan, sains, pendidikan dan budaya.

Anwar berkata pertemuan Habibie dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok akan cuba mendapatkan kata sepakat mengenai persoalan pokok menangani krisis matawang sebelum kedua-dua pemimpin menghadiri Perjumpaan Asia-Eropah (ASEM) di London awal minggu depan.

"Kita harus pastikan bukan sahaja tidak menjadi mainan pasukan dan spekulator asing tetapi harus ambil tindakan proaktif yang lebih bagi menuntut agar sistem matawang antarabangsa lebih adil, saksama, efektif dan tidak menjadikan rantau ini gelanggang manipulasi dan spekulasi asing," katanya.

Anwar turut memuji Habibie yang menurutnya merupakan antara tokoh penting di rantau ini dalam meningkatkan sumber daya manusia di bidang penyelidikan, sains dan teknologi bagi mengangkat martabat bangsa Indonesia menghadapi proses globalisasi dan cabaran abad akan datang.

Habibie tiba di sini petang tadi untuk lawatan singkat sebelum ke London untuk menghadiri Perjumpaan Asia-Eropah (ASEM).

Anwar juga berkata untuk mengenali negara jiran, ia tidak semestinya diatur oleh orang lain.

"Kita juga faham bahawa untuk mengenali sahabat dan jiran, ia tidak semestinya diatur oleh orang lain. Kita yang seharusnya menguasai dan mampu memahami sesuai dengan tanggapan budaya, rantau dan jiran kita," katanya.

Habibie pula berkata terdapat banyak prasangka negatif mahupun positif mengenai pimpinan bangsa Indonesia secara umumnya, dan mengenai peribadinya sendiri, khususnya.

"Saya sampaikan kepada semua agar hilangkan prasangka-prasangka ini dan jadikan ia minimum. Dan tingkatkan kewaspadaan menjadi sepuluh kali," katanya.

Beliau juga meminta masyarakat antarabangsa melihat kerajaan dan bangsa Indonesia dalam kacamata yang tepat dan "tidak dirubah-rubah dengan manipulasi".

Beliau berkata Indonesia yakin untuk keluar dari masalah-masalah yang dihadapinya secepat mungkin dan sedang berusaha ke arah itu.

"Walaupun ada tohmahan buruk, sejarah akan membuktikan siapa yang benar dan kita yakin keluar dari persoalan-persoalan ini secepat mungkin," katanya. -- BERNAMA

RV oba